



## MySinarKasih Sun Life tawar wakaf percuma untuk 10,000 pelanggan



KUALA LUMPUR: Sun Life Malaysia Takaful Bhd (SLMT) melancarkan MySinarKasih, satu inisiatif yang menggabungkan amalan memberi berlandaskan nilai keagamaan dalam perancangan perlindungan takaful melalui manfaat wakaf percuma.

Melalui MySinarKasih, sehingga 10,000 pelanggan Muslim yang layak daripada golongan berpendapatan rendah dan sederhana akan menerima manfaat wakaf percuma berjumlah RM8,000 setiap seorang.

Manfaat ini akan dibayar sekiranya berlaku kematian dalam tempoh satu tahun dari tarikh permulaan sijil dan akan disalurkan kepada Yayasan Waqaf Malaysia (YWM).

Sebagai alternatif, pelanggan juga boleh memilih manfaat Badal Haji dengan nilai sama yang akan dilaksanakan pengendali diiktiraf.

Secara keseluruhan, inisiatif ini menawarkan jumlah perlindungan bernilai sehingga RM80 juta.

MySinarKasih bertujuan membantu lebih ramai rakyat Malaysia menggabungkan perlindungan kewangan dengan warisan kebaikan yang berpanjangan, bukan sekadar sumbangan sekali sahaja.

Ketua Pegawai Eksekutif SLMT, Azam Yusof, berkata takaful berteraskan prinsip ta'awun (tolong-menolong).

"Melalui manfaat wakaf ini, kami membantu pelanggan melindungi keluarga tersayang sambil menunaikan niat berasaskan keimanan secara tersusun dan diyakini. Ini mencerminkan semangat sebenar takaful - memperkukuh daya tahan kewangan sambil mewujudkan impak berkekalan kepada komuniti," katanya.

MySinarKasih turut menyokong Bulan Wakaf Kebangsaan 2026, yang dianjurkan bersama oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) serta Yayasan Waqaf Malaysia, dengan membolehkan pelanggan yang layak mewujudkan legasi wakaf yang bermakna melalui takaful apabila manfaat wakaf disalurkan kepada Yayasan Waqaf Malaysia selepas pemergian pelanggan.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Waqaf Malaysia, Dr Ridzwan Bakar, berkata MySinarKasih membantu mendekatkan wakaf kepada kehidupan seharian dengan menghubungkannya kepada perlindungan kewangan.

Katanya, inisiatif ini memperkenalkan pendekatan wakaf yang lebih kontemporari dan praktikal, sekali gus menjadikannya lebih mudah diakses dan relevan kepada masyarakat yang lebih luas.

"Pada masa sama, ia menyokong usaha kami memperkukuh literasi wakaf serta meningkatkan pemahaman mengenai manfaat jangka panjangnya.

"Melalui pendekatan ini, wakaf boleh memainkan peranan bermakna dalam mewujudkan nilai mampan sambil memperkukuh daya tahan kewangan individu, keluarga dan komuniti.

"Sebarang manfaat diterima Yayasan Waqaf Malaysia melalui inisiatif ini akan disalurkan kepada program di bawah sektor 1H3E, iaitu kesihatan, pendidikan, alam sekitar dan pemerikasaan ekonomi," katanya.

Bagi menggalakkan penyertaan wakaf, SLMT akan melaksanakan pelbagai inisiatif pendidikan sepanjang tahun, termasuk melalui kandungan media sosial, sesi perkongsian takaful dan podcast bagi meningkatkan literasi wakaf dalam kalangan pelanggan serta masyarakat umum.

Pada masa sama, SLMT akan terus mengintegrasikan ciri wakaf dalam lebih banyak penyelesaian takaful keluarga.